

PENYATA

Kawalan Dalam

Tanggungjawab

Lembaga Pengarah (Lembaga) bertanggungjawab ke atas sistem kawalan dalaman Kumpulan serta memastikan kecukupan dan integritinya. Lembaga telah memperkenalkan proses yang masih lagi sedang berjalan, untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko-risiko nyata yang dihadapi Kumpulan sepanjang tahun kewangan yang dikaji. Proses ini kerap kali dikaji Lembaga dan mematuhi panduan kawalan dalaman, Penyata Kawalan Dalaman – Panduan untuk Pengarah Syarikat Awam Tersenarai.

Dalam menyediakan dan mengkaji semula sistem kawalan dalaman, para Pengarah mengambil kira berat risiko relevan yang dihadapi, kebarangkalian berlakunya kerugian serta kos kawalan. Tujuan mengadakan sistem kawalan dalaman ini adalah untuk mengurus dan meminimalkan risiko, bukannya untuk menghapus sama sekali risiko kegagalan, supaya dapat menggariskan dasar dan objektif Kumpulan dan hanya mampu menyediakan jaminan yang munasabah dan bukannya dapat elakkan sama sekali risiko kesilapan kebendaan atau kerugian.

Pihak pengurusan membantu Lembaga dalam melaksanakan dasar-dasar Lembaga berhubung risiko dan kawalan dengan mengenalpasti dan menilai risiko yang dihadapi Kumpulan untuk dipertimbang Lembaga, serta merekabentuk, menjalankan dan memantau sistem kawalan dalaman.

Lembaga juga merasakan sistem kawalan dalaman yang dilaksana untuk tahun yang dikaji adalah kukuh dan mencukupi untuk melindungi pelaburan pemegang saham dan aset Kumpulan.

Suasana Kawalan Dalaman Dan Proses Utama

Kumpulan telah mengamalkan pendekatan yang diselaraskan dan formal berhubung kawalan dalaman dan pengurusan risiko, yang turut merangkumi perkara berikut:

- Lembaga telah menubuhkan Jawatankuasa Pengarah Pengurusan Risiko ("RMCD") untuk membantu dalam memantau struktur pengurusan risiko secara keseluruhan. Di peringkat eksekutif, Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Risiko ("ERMC") ditubuhkan untuk membantu pihak pengurusan kanan dalam menjalankan tanggungjawab pengurusan risiko mereka berkait risiko-risiko tertentu dalam Kumpulan. ERMC terdiri daripada Jawatankuasa Risiko Pasaran Dagangan Kumpulan, ALCO Kumpulan, Jawatankuasa Pengurusan Portfolio & Dasar Kredit dan Jawatankuasa Operasi Kumpulan & Risiko Perundangan. Pihak RMCD dan ERMC akan bermesyuarat secara berkala untuk mengkaji semula, membuat keputusan dan menangani isu-isu risiko.

- Kakitangan dalam Kumpulan didedahkan kepada prinsip-prinsip, dasar-dasar, usaha-usaha, metodologi dan prosedur pengurusan risiko. Ia diperbaharui dengan kerap untuk memastikan kekal relevan dan mematuhi keperluan kepatuhan yang ditetapkan. Dasar-dasar, metodologi dan prosedur dipertingkatkan apabila perlu mengikut perubahan dalam persekitaran pengoperasian dan/atau memperbaiki pengurusan risiko secara berterusan.

- Struktur organisasi direkabentuk untuk mudah menaekrifkan dengan jelas tanggungjawab, aturan pematuan dan hierarki kelulusan untuk membentuk sistem periksa dan seimbang, berdasarkan keperluan aktiviti perniagaan dan pengoperasian. Ini termasuk pemberian kuasa dan menetapkan had kuasa untuk pengasingan tugas yang betul.

- Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan ("AEC") Syarikat serta subsidiari-subsidiari utamanya membantu Lembaga menilai kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman Kumpulan. Pihak AEC mengkaji semula kenyataan kewangan Kumpulan, dan laporan yang dikeluarkan Audit Dalaman Kumpulan, pengaudit luar dan pihak berkuasa kepatuhan, serta tindakan pembetulan yang menyusul untuk menangani isu-isu yang dibangkitkan dalam laporan

- Audit Dalaman Kumpulan menjalankan audit berasas-risiko bebas dan menawarkan jaminan bahawa rekabentuk dan operasi rangka kerja risiko dan kawalan Kumpulan adalah berkesan. Pihak AEC mengkaji semula kerja Jabatan Audit Dalaman Kumpulan, termasuk pelan audit, tahap kemajuan dan laporan yang dikeluarkan.

- Kumpulan meletakkan fokus pada pertumbuhan yang mampan dan menguntungkan di dalam rangka kerja pengurusan risikonya. Pelan perniagaan tahunan dan belanjawan disediakan oleh bahagian perniagaan Kumpulan dan dikemukakan kepada Lembaga untuk kelulusan.

Prestasi sebenar pula diperiksa dengan membandingkannya dengan belanjawan, bersama penerangan untuk perbezaan besar yang dilihat secara bulanan, bagi membenarkan tindakbalas yang betul diambil dengan pantas untuk menangani risiko terlibat.

- Kumpulan menekankan pembangunan dan latihan sumber manusia kerana ia menghargai nilai kakitangannya dan sumbangan mereka kepada pertumbuhan. Terdapat panduan lengkap dalam Kumpulan untuk isu-isu pengambilan kakitangan baru, kenaikan pangkat dan menilai prestasi, supaya dapat menggalakkan budaya prestasi tinggi



melalui penghargaan jelas buat mereka yang berprestasi tinggi, serta menyediakan kaunseling untuk mereka yang sebaliknya. Pengurusan bakat berstruktur dan program latihan dibangunkan untuk memastikan kakitangan mendapat latihan secukupnya, dan mampu melaksanakan tanggungjawab mereka, serta mengenalpasti pemimpin pelapis.

- Kod etika diformulasi untuk melindungi dan mengukuhkan reputasi Kumpulan sebagai entiti yang amanah dan berintegriti. Kod Etika berdasarkan prinsip-prinsip berikut: mematuhi undang-undang dari aspek yang tersurat dan tersirat; mempertahankan reputasi integriti di seluruh organisasi; mengelakkan konflik kepentingan; memastikan semua rekod-rekod relevan adalah lengkap dan tepat; memastikan layanan yang adil dan saksama untuk semua pelanggan; mengelakkan salahguna pangkat dan maklumat; dan memastikan kerahsian maklumat dan urusniaga.

- Kumpulan telah menetapkan dasar-dasar dan prosedur supaya mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang relevan. Sistem pematuan telah dilaksanakan untuk membolehkan kakitangan membuat swanilai dan laporan secara kerap, justeru memberikan jaminan kepada pengurusan dan Lembaga bahawa staf menyedari dan mematuhi kehendak pengawalaturan. Terdapat proses yang dijalankan untuk mempiawaikan amalan ini di seluruh Kumpulan AmBank. Latihan kesedaran pematuan dijalankan secara berkala untuk memastikan staf mengikuti perkembangan undang-undang perbankan, insurans, sekuriti dan anti pengubahan wang haram serta perkembangan pengawalaturan lain. Program latihan ini membantu kakitangan membangunkan kemahiran mereka dalam menangani isu pematuan serta memupuk etika korporat yang baik.